

24 JUN 2003

MAHATHIR-KWSP/I

MAHATHIR: RANCANGAN UNTUK KWSP LABUR DALAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Kerajaan sedang merangka rancangan untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melabur dananya dalam pembangunan infrastruktur di dalam negara dan pada masa yang sama membolehkannya memperolehi pulangan yang baik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, KWSP dan panel pelaburannya perlu membuat keputusan segera mengenai cadangan-cadangan ini, kata beliau di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir, yang juga merupakan Menteri Kewangan kemudiannya memberitahu pemberita di lobi Parlimen di sini yang kerajaan tidak akan membelanjakan wang ke atas terlalu banyak projek infrastruktur, termasuk pembinaan bangunan-bangunan.

Beliau berkata KWSP akan diminta membiayai syarikat untuk membina bangunan-bangunan ini.

Dr Mahathir berkata bangunan-bangunan itu kemudiannya akan dipajak daripada syarikat-syarikat yang membina dan daripada pajakan itu, syarikat pembina akan membayar semula KWSP pada kadar faedah yang lebih tinggi berbanding dengan apa yang KWSP boleh perolehi daripada pelaburan dana dalam deposit-deposit bank.

Terdahulu, ketika menjawab soalan di Dewan Rakyat, perdana menteri berkata kerajaan mempunyai beberapa skim dalam fikiran untuk membolehkan KWSP mendapatkan pulangan yang lebih baik daripada hanya menyimpan dana-dananya di Bank Negara Malaysia dan memperolehi pulangan faedah yang rendah dalam proses itu.

"Jika kita labur dalam bidang-bidang tertentu, KWSP boleh dapat lebih," kata beliau ketika menjawab soalan tambahan mengenai KWSP dari Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) dan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong).

Perdana menteri berkata KWSP, sebagai dana terbesar dalam negara dengan aset kecairan berjumlah RM200 bilion, akan berhadapan dengan kesukaran meninjau cara-cara untuk melabur kesemua dananya yang menguasai hampir separuh daripada permodalan pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Dalam pada itu, KWSP juga didapati sukar untuk melabur berikutan gangguan yang kerap terhadap panel pelaburannya, kata beliau.

"Ada yang mencadangkan panel pelaburan ditukar atau dibubarkan dan kuasa diberi pada orang lain. Kalau ada kuasa pun, peluang pelaburan tak banyak kerana keadaan pasaran saham yang tak menentu," tambah perdana menteri. -- BERNAMA

SHO SHY AA